



DEWAN
TAMADUN
ديوان تتمدون اسلام
Bil. 12/2025

Islam

BUDI

Menyemai Adab Menjulangi Ilmu

YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin
Sahib @ Sahibuddin, FASc
Naib Canselor Universiti Teknologi MARA



JendelaDBP



Tamaddun Islam DBP

#MalaysiaMembaca

Jilid 11 • Semarakang Malaysia RM11.00 • Sabah/Sarawak RM11.50 • Brunei B\$11.50 • Singapura S\$11.50



DBP

Ketua Pengarah
Dr. Haji Hazami Johari

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Zulfa Hamzah

Pengarah Penerbitan
M. Azahari Edin

Ketua Editor
Dr. Rosmani Omar
(ros_omar@dbp.gov.my)

Timbalan Ketua Editor
Marsilawati Mohamad Rani
(marsila@dbp.gov.my)

Siti Norsuhaila Samsudin
(suhaila@dbp.gov.my)

Editor
Syazna Wardina Abd Khalik
(syazna@dbp.gov.my)

Zulhilmi Shalehuddin
(nini@dbp.gov.my)

Pentadbiran
Zamriah Husli, Rafifah Ramli,
Uswatun Hasnah Mohamad Amin,
Mohd Hafiez Abd Hamid

Urusan Langganan
Bahagian Pemasaran dan Pengedaran, Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka,
Lot 1837, Jalan AU 3/1, 54200 Ampang/Hulu Kelang,
Selangor Darul Ehsan.
Telefon: 03-41010033 | Faks: 03-41012619 | E-mel: gp@dbp.gov.my
<http://www.faccbooks.com/dbpnlaga> | <http://dbpnlaga.my>

Paka Bentuk Kulit dan
Paka Letak Halaman
Mohamad Khuzairy Razali

Disetak oleh
Atlin Press Sdn. Bhd.,
No. 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
Bandar Putra Permai, 43300, Seri Kembangan, Selangor.
Telefon: 03-8939 0660 Faks: 03-8939 8335 E-mel: atlinpress@gmail.com



© HAK CIPTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2025

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dibelanjakan ulang, disimpan dalam sistem data komputer, atau diwarikan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman ataupun lain-lain, sebelum mendapat izin berulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. *Dewan Tamadun Islam* diterbitkan pada setiap bulan mulai Januari 2013. Silang cipta berhak menyunting, menulis yang diterima sebagai tidak mempunyai isinya. Karya yang diterbitkan tidak semestinya mencerminkan pendapat *Dewan Tamadun Islam* atau Dewan Bahasa dan Pustaka. Segala kandungan yang dikirimkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka hendaklah bebas daripada sebarang isu hak cipta atau plagiat dan penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang isu yang terkait dengannya. Karya yang dikirimkan juga harus ada diwarikan ataupun tidak, tidak akan diterbitkan. Jika karya tidak diwarikan dalam tempoh enam bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan diterbitkan. Silang cipta tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau sama karya yang dikirimkan melalui pos. Apabila mengirimkan sebarang tulisan, anda setuju bahawa nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenal, alamat, nombor telefon dan akaun Bank Islam Malaysia Berhad (jika ada) untuk tujuan pendafatan dan bayaran honorarium sekiranya terbita diterbitkan. Tanpa maklumat ini, tulisan yang dikirimkan kepada kami tidak akan diterbitkan. Sila nyatakan nama anda melalui yang dihantar kepada *Dewan Tamadun Islam* juga dihantar kepada penulis lain ataupun tidak.

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA MENDUKUNG CITA-CITA HENDAK:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDaulatan UNDANG-UNDANG
KEsOPANAN DAN KESUSAHAAN

روكون نگارا

بهاواسان نگارا کیت ملیسیا مندو کوغ چیتا ۲ هندق:

منچاقای فرقادوان یخ لیبه ارت دالم کالغن سلوره مشارکت؛

مملیهارا ساتو چارا هیدوف دیهوراتیک؛

منچیتا ساتو مشارکت عادیل دمان کمعمورن نگارا اکن دافت دنعمتی برسام

سچارا عادیل دان سقسام؛

منجامین ساتو چارا لیبرل ترهادق ترادیس۲ کبودایان یخ کای دان فلپاکای چورق؛

ممینا ساتو مشارکت فروترسیف یخ اکن مگکونان ساهین س

دان تیکنولوگی مودن.

مک کامی، رعیت ملیسیا، برقرار اکن منومشوکن سلوره تناک دان اوسها کامی

اونتوق منچاقای چیتا ۲ ترسبوت برداسرکن اتس فرینسیف ۲ یخ برایکوت:

کفرچایان کفد توهن

کستیان کفد راج دان نگارا

کلوهورن فرلپاکان

کدولتن اوندغ۲

کسوفتن دان کسوسیلاهن



02

KALAM EDITOR
Adab

Lambang Keteguhan Peribadi Muslim

03

AL-ASMAUL HUSNA
Al-Raf'f

20

SEMASA
Memperkasakan Destinasi
Pelancongan Islam di Malaysia
MUHAMMAD AHI SOFIAN
ABDUL HALIM

24

FIKRAH
Mengajar dengan Hati
pada Zaman Kecerdasan Bustan
NORHAFTIZAH MOHD BURHAN

28

TASAWUR
Membina Generasi Mumuk'innah
MOHAMAD NAZLI OMAR

31

PUISI JAWI
Kerpasan
HANIFF YUSOFF

32

PUISI
Mentafsir Muslim
MOHD KASIM MAHMUD
Sejadah Usang Emak
N. NUR NASUKA

34

CERPEN
Sejadah Batu
LOKMAN HAKIM

38

TARBIAH
Dakwah Biarlah Mendekatkan,
Bukan Menjauhkan
MOHAMAD ZARIFI MOHAMAD DAUD

42

TAADIB
Membugar Adab
dalam Pendidikan Masa Ini
HARUN BAKARUDIN

46

SAKINAH
Cabaran dan Liku Hidup
Anak Yetim
SABARIAH EDA YAAKUB



50

FARDU AIN
Membangunan dan Melestarikan
Industri Halal dalam Kerangka
Epistemologi Tauhid
YUMI ZUHANTIS HAS-YUN HASHIM

54

SANTAI JAWI

56

IBRAH
Teknologi dan Azab
Kaum Terdahulu
AHMAD BAZLIAHMAD HILMI

04

TAMADUN

BUDI
Menyemai Adab
Menjulung Ilmu

10

TAMADUN

Empat Puluh Tahun
UITM Cawangan Pahang
Membina Karakter
Jiwa Insan
AZHAN HASHIMI @ ISMAIL
NIK MUHAMMAD FARHAN
RAKIM NIK BADRUL ALAM

16

TAMADUN

Gandingan Ulama dan Umara
dalam Pembangunan
Masyarakat Berilmu
ZAIDI ISMAIL
ZULHILMI SHALEHUDDIN



60

ISLAM DI DUNIA
Kekuatan yang Tidak Wejar
Dihancurkan
FACIH AQILAHMAD SHUHAILI



Membangunkan dan Melestarikan Industri Halal dalam Kerangka Epistemologi Tauhid

Dalam ekonomi global hari ini, makanan dan produk pengguna telah merentas benua dan sempadan negara. Dari satu sudut, perkara ini amat positif kerana menyediakan pelbagai pilihan kepada pengguna serta membuka peluang kepada masyarakat antarabangsa untuk saling mengenal budaya dan cita rasa seantero dunia.

Namun begitu, keadaan ini turut mencetuskan kebimbangan dalam kalangan umat Islam akan status halal bagi barangan yang dimakan atau digunakan oleh mereka. Walaupun amalan pensijilan halal menawarkan penyelesaian yang baik dalam penentuan status halal sesuatu produk, rantai bekalan yang panjang dan kompleks boleh menyulitkan proses tersebut lebih-lebih lagi apabila melibatkan elemen perundangan seperti akta, peraturan, garis panduan dan amalan rentas sempadan.

Pada tahap ini, timbul persoalan lebih mendalam yang menjangkau mekanisme pensijilan dan pelabelan halal. Apakah maksud sebenar sesuatu barang menjadi halal? Bagaimanakah kita boleh mengetahui dan meyakini bahawa sesuatu produk itu benar-benar halal meskipun tanpa pensijilan rasmi? Untuk menjawabnya, kita perlu melangkaui definisi teknikal dan menyelami inti pati pengetahuan Islam, iaitu epistemologi tauhid, atau cara Islam memahami dunia melalui lensa keesaan Tuhan.



Pemetaan industri halal kepada kerangka ini memastikan konsep halal bukan sahaja berkaitan dengan perkara yang dibenarkan menurut syarak, malah merangkumi aspek etika, ketulenan, kesihatan, kebersihan dan kebaikan fizikal mahupun rohani.

Epistemologi Tauhid

Perkataan tauhid berasal daripada bahasa Arab yang bermakna pengetahuan tentang keesaan Allah SWT, yang tiada tandingan, tiada saingan dan tiada sesuatu yang sama dengan-Nya. Kepercayaan ini menjadi asas pembentukan cara pandang orang Islam terhadap dunia, menjalani kehidupan, serta memandu mereka dalam proses menimba ilmu pengetahuan dan bukannya sebuah konsep teologi semata-mata.

Epistemologi dalam bahasa Inggeris sering dikaitkan dengan *theory of knowledge*, iaitu kajian tentang cara manusia mengetahui sesuatu perkara. Oleh itu, epistemologi tauhid merujuk keunikan pendekatan Islam terhadap pengetahuan yang berakar daripada kefahaman bahawa semua ilmu datang daripada Allah SWT dan pada akhirnya membawa manusia kembali kepada-Nya. Dalam tradisi Islam, terdapat tiga sumber ilmu yang utama, iaitu:

- Al-Quran dan sunah.
- Akal untuk merenung dan memahami sesuatu.
- Deria (al-his) dan pengalaman yang mencakupi pemerhatian, percubaan serta pembelajaran daripada dunia sekeliling.

Tidak seperti dalam beberapa kerangka sekular, ketiga-tiga sumber ini tidak bercanggah antara satu dengan lain, sebaliknya diselaraskan dan saling melengkapi di bawah payung tauhid. Idea tentang pengetahuan, sains, etika dan agama merupakan kesatuan yang tidak terpisah.

Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, YBhg. Datuk Profesor Emeritus Dr. Osman Bakar ketika berucap dalam program *al-Liqa' al-Jami'e* yang bertemakan "Hala Tuju UIAM ke Arah Kecemerlangan Umat" pada 13 Mac 2025 di UIAM Kampus Gombak menegaskan bahawa epistemologi tauhid ialah asas penting untuk mencapai kecemerlangan ummah melalui pembentukan minda tauhidik. Menurut beliau, apabila seseorang memiliki minda tauhidik, segala tindakannya akan selaras dengan keesaan Allah SWT, sekali gus menyemai perpaduan, kasih sayang dan ahlak mulia.

Kepentingan Epistemologi Tauhid dalam Industri Halal

Industri halal bukan sekadar tertumpu pada makanan, bahkan sektor ini merangkumi produk kosmetik, farmaseutikal, logistik, kewangan dan pelancongan. Nilai pasaran industri halal dunia dianggarkan lebih daripada USD2.0 trilion dan terus berkembang pesat dengan pelbagai potensi untuk berdaya saing pada peringkat global.

Walau bagaimanapun, di sebalik kepesatan pertumbuhan ini, muncul suatu cabaran dan kerumitan, iaitu bagaimanakah kita dapat memastikan bahawa piawaian halal mencerminkan nilai rohani, etika dan holistik Islam, yang bukan hanya memenuhi senarai semak keperluan teknikal? Dalam hal ini, epistemologi tauhid memainkan peranan penting bagi memandu operasi industri halal agar sentiasa berpaksikan acuan Islam yang sebenar demi menggapai kecemerlangan umat manusia di dunia dan di akhirat.

Prinsip Epistemologi Tauhid dalam Amalan Kehidupan

Epistemologi tauhid dapat dilihat dalam segenap aspek kehidupan seharian menerusi empat prinsip utama, iaitu kesepaduan ilmu, maqasid syariah, konsep *tajyib*, serta amanah dan khilafah.

1 Kesepaduan Ilmu

Tiada pemisahan antara pengetahuan agama dengan ilmu duniawi menurut pandangan dunia tauhid. Pembelajaran ilmu biologi, kimia atau teknologi makanan juga dianggap sebagai ibadah sebagaimana kita mempelajari ilmu al-Quran, selagi niatnya benar dan penggunaannya beretika.

Dalam konteks industri halal, sains dan teknologi moden seperti piawaian keselamatan makanan, bioteknologi dan teknologi kebolehesanan (termasuk blok rantai) boleh diaplikasikan, dengan syarat mengikut acuan dan etika Islam. Hal ini bermakna makmal tidak hanya melaporkan sesuatu produk itu halal dan *tajyib*, tetapi persoalan yang lebih penting ialah adakah produk tersebut memenuhi kriteria rohani dan etika yang ditetapkan oleh Allah SWT?

2 Maqasid Syariah

Undang-undang Islam memiliki objektif yang tinggi, iaitu maqasid syariah yang terdiri daripada



perlindungan terhadap iman (al-din), kehidupan (al-nafs), intelek (al-aql), keturunan (al-nasl) dan kekayaan atau harta (al-mal).

Setiap aspek dalam industri halal mesti menyokong objektif ini. Produk yang halal secara teknikal tetapi membahayakan kesihatan, menipu pengguna atau merosakkan alam sekitar, pada hakikatnya bertentangan dengan roh halal sebenar. Pendekatan tauhid memastikan tumpuan diberikan secara menyeluruh pada faedah dan kemudaran sesuatu produk, selain kesahihan halalnya.

3 *Tayyib*

Al-Quran sering memadankan istilah halal dengan *tayyib* (murni dan sihat). Kerangka epistemologi ini menjelaskan bahawa penentuan kehalalan sesuatu produk tidak hanya berkait dengan perkara yang diharamkan dalam nas agama seperti daging babi atau arak, bahkan melibatkan unsur kualiti, keselamatan, khasiat, sumber beretika dan kebersihan.

Sebagai contoh, ayam halal yang ditenak dalam keadaan kejam atau disuntik bahan kimia berbahaya mungkin memenuhi beberapa kriteria penyembelihan secara teknikal, namun gagal memenuhi prinsip *tayyib*. Dari perspektif tauhid, amalan sebegini ditolak kerana tidak selaras dengan nilai Islam.

4 Amanah dan Khilafah

Manusia diamanahkan oleh Allah SWT untuk mentadbir bumi dan kehidupannya dengan penuh tanggungjawab. Dalam industri halal, manusia bertanggungjawab terhadap setiap urusan dalam sektor ini, termasuklah cara perolehan, penghasilan dan penjualan barangan, serta penyampaian perkhidmatan. Di samping itu, manusia perlu mengelakkan pembaziran, menjaga kesihatan haiwan, memelihara alam sekitar, serta bersikap adil kepada pekerja dan pengguna.

Pemilik perniagaan, pengawal selia pengesahan halal, pengeluar produk dan penyedia perkhidmatan sebenarnya memikul amanah yang suci bagi menyediakan sesuatu yang halal untuk umat manusia. Dengan epistemologi tauhid, prinsip dan amalan ini tidak akan dipandang ringan.

Aplikasi Epistemologi Tauhid dalam Industri Halal

Aplikasi epistemologi tauhid dalam industri halal sebenarnya merentas segenap peringkat dalam pelbagai sektor, termasuklah makanan dan minuman, kosmetik dan farmaseutikal, pensijilan dan tadbir urus, serta teknologi dan inovasi.

1 Makanan dan Minuman

Pendekatan tauhid dalam amalan penyembelihan memastikan binatang yang akan disembelih, diurus dengan bermaruah bermula daripada hayatnya sehinggalah kematiannya. Haiwan disembelih dengan penuh belas kasihan, bukan sekadar diproses secara mekanikal tanpa penjagaan yang sewajarnya.

Dari aspek bahan ramuan, setiap komponen perlu diteliti dengan cermat, termasuklah enzim, pewarna dan pengemulsi. Hal ini melibatkan ujian saintifik dan pemahaman terhadap undang-undang Islam yang seiring.

Di samping itu, ketelusan dari sudut pelabelan juga amat penting. Label yang mengelirukan atau dakwaan yang tidak jelas seperti "gaya halal" atau "mesra Muslim" boleh menimbulkan kekeliruan dan menjejaskan kepercayaan pengguna.

2 Kosmetik dan Farmaseutikal

Kebanyakan produk ini mengandungi alkohol, gelatin atau bahan lain yang berasal daripada haiwan. Pendekatan tauhid menuntut agar setiap produk menjalani ujian makmal yang ketat dan pengesahan syariah bagi memastikannya dalam keadaan selamat dan patuh syariah. Sumber beretika dan ujian bebas kekejaman terhadap haiwan juga sejajar dengan nilai pengawasan dan belas kasihan dalam ajaran Islam.

3 Pensijilan dan Tadbir Urus

Badan pensijilan halal perlu beroperasi dengan penuh integriti, telus dan bertanggungjawab. Tugas ini berkisar tentang tindakan menegakkan amanah dan kepercayaan di hadapan Allah SWT. Para ulama yang terlibat harus memahami aspek teknikal pengeluaran, selain peraturan dalam Islam. Begitu juga para saintis perlu memperkukuh kefahaman mereka dalam aspek perundangan Islam supaya dapat melengkapkan peranan ulama dalam proses penentuan halal.

4 Teknologi dan Inovasi

Apabila teknologi baharu muncul seperti daging kultur makmal, rantaian bekalan yang dipacu oleh kecerdasan buatan atau sistem penjelajahan berasaskan blok rantai, epistemologi tauhid bertindak sebagai kompas moral yang mengemudi perbincangan ilmiah dan pelaksanaan yang wajar.

Sebagai contoh, persoalan tentang status kehalalan daging yang melalui proses pengkulturan di makmal memerlukan bukan sahaja jawapan berbentuk analisis teknikal, malah refleksi mendalam tentang etika Islam, tujuan makanan dan kesucian kehidupan.

Cabaran dan Tindak Balas Tauhid

Industri halal dalam dunia ekonomi moden dan kapitalis tidak terlepas daripada berhadapan dengan pelbagai cabaran, antaranya termasuklah globalisasi, pengkomersialan, kesedaran pengguna, serta keprihatinan terhadap pemeliharaan alam sekitar dan kebajikan haiwan. Epistemologi tauhid ternyata mampu menawarkan penyelesaian yang seimbang dan berprinsip kepada cabaran berkenaan.

1 Globalisasi dan Penyeragaman

Industri halal merangkumi pelbagai budaya dan pegangan. Pendekatan tauhid menggalakkan perpaduan berdasarkan prinsip bersama tanpa menafikan kepelbagaian dan perbezaan yang wujud. Kesemua perkara ini wajar dilihat dari perspektif yang harmoni, sihat dan saling melengkapi.

2 Pengkomersialan

Memandangkan industri halal kian berkembang menjadi suatu bentuk perniagaan berskala besar, timbul tanggapan bahawa halal hanyalah sebahagian daripada nic pasaran. Epistemologi tauhid menolak pandangan ini dengan menegaskan bahawa halal ialah satu cara hidup, bukan sekadar strategi pemasaran.

3 Kesedaran Pengguna

Sebahagian besar daripada pengguna Muslim hanya memberikan perhatian pada label halal tanpa memahami proses di sebaliknya. Pendekatan tauhid memerlukan pendidikan,



Aspek kualiti dan keselamatan makanan juga menjadi penentu status kehalalan sesuatu produk selaras dengan prinsip *layyib* dalam Islam.

pemikiran kritis dan kesedaran kepenggunaan pada produk dan perkhidmatan yang digunakan.

4 Keprihatinan terhadap Alam Sekitar dan Kebajikan Haiwan

Pengeluaran produk halal secara moden kerap berpandukan sistem pertanian industri. Kerangka tauhid menuntut agar manusia kembali kepada prinsip layanan beretika terhadap haiwan, persekitaran alam semula jadi dan kemampunan yang merupakan nilai teras Islam.

Menghidupkan Semula Roh Halal

Epistemologi tauhid bukanlah falsafah yang abstrak, sebaliknya satu cara hidup dan roh untuk melihat serta mengelola dunia dan kehidupannya dengan cara yang terbaik. Dalam konteks industri halal, keberadaannya memastikan bahawa pengesahan halal dalam pensijilan merupakan suatu penentuan yang terbaik, beretika, serta meningkatkan keimanan dan ketakwaan.

Dengan kesepaduan wahyu, akal dan refleksi etika, pendekatan ini memperkasakan pengeluaran, badan pensijilan dan pengguna untuk membuat pilihan, sejajar dengan tujuan Islam yang murni. Bergerak dalam kerangka epistemologi tersebut, industri halal juga dapat keluar daripada amalan kebiasaan yang memenuhi senarai semak perkara yang boleh dan yang tidak boleh dilakukan, kepada pembangunan ekonomi moral yang lestari. Hal ini berakar umbi daripada kebertanggungjawaban kepada Allah SWT dan perkhidmatan kepada umat manusia. 🌱